1 Dalam sistem politik Melayu tradisional, kuasa dan pengaruh seorang raja terhadap sesebuah wilayah ditentukan berdasarkan
A persamaan budaya
B kesetiaan rakyat
C kegiatan ekonomi
D prinsip kepercayaan

2 Sumber pendapatan dan kewangan Kesultanan Melayu Melaka diperoleh daripada
I kegiatan perdagangan
II pembayaran ufti
III aktiviti pertanian
IV sistem serah
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

3 Raden Adjeng Kartini telah menulis dua buah karya berikut.

- Hilang Gelap Terbitlah Terang
- Penulisan Seorang Puteri Jawa

Kedua-kedua karya tersebut menyentuh tentang
A kepesatan kegiatan ekonomi
B penindasan terhadap rakyat
C ancaman oleh kaum imigran
D kelemahan sistem pentadbiran

4 Sistem pendidikan pada zaman penjajah telah membangkitkan semangat nasionalisme di Asia Tenggara.
Mengapakah keadaan tersebut berlaku?
A Kemasukan kaum imigran tidak terkawal
B Kemunculan ramai golongan intelek
C Kewujudan golongan bangsawan
D Kepelbagaian sukatan mata pelajaran

5 Mengapakah gerakan nasionalisme di China menentang pemerintahan Dinasti Manchu?
A Gagal menghalang kemasukan kuasa Barat
B Rakyat dibebani cukai yang tinggi
C Membenci golongan Mandarin
D Fahaman komunis berkembang

6 Berikut adalah negara yang terlibat dalam Pakatan Bertiga semasa Perang Dunia Pertama.

- Britain
- Perancis
- X

Apakah X?
A Jerman
B Austria
C Hungary
D Rusia

 © 2021 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

LIVEWORKSHEETS

SPM 2021

7 Bagi menangani kemelesetan ekonomi di Tanah Melayu, Jepun telah memperkenalkan
I Jawatankuasa Penyelidikan Bahan
II Rancangan Pengeluaran Lima Tahun
III Institut Latihan Pemimpin-pemimpin Muda
IV Rancangan Kemakmuran Bersama Asia Timur
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

8 Jepun menyerang tanah jajahan kuasa Barat di Asia dalam Perang Dunia Kedua.
Apakah tindakan kuasa Barat untuk menghalang kemaraan Jepun?
A Membentuk pertubuhan serantau
B Mengisytiharkan ZOPFAN
C Membebaskan tanah jajahan
D Melakukan serangan bom atom

9 Apakah jasa tokoh berikut terhadap Sarawak?



Rosli Dhoby

A Menentang peluasan kuasa asing
B Memajukan pendidikan anak tempatan
C Mempertahan sistem pemerintahan beraja
D Menghalang perkembangan pengaruh komunis

10 Mengapakah negara kita menjadi tumpuan orang asing sejak abad ke-16 sehingga masa ini?
I Penduduk padat
II Lokasi strategik
III Sumber asli pelbagai
IV Tenaga buruh banyak
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

11 Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada tahun 1948.
Mengapakah orang Melayu **tidak** menentang penubuhannya?
A Undang-undang tradisional tamat
B Kuasa Raja-raja Melayu dikembalikan
C Singapura dipisahkan daripada Persekutuan
D Kaum imigran tidak diberikan taraf warganegara

[Lihat halaman sebelah

 © 2021 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

LIVEWORKSHEETS

12 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan politik di Tanah Melayu sebelum merdeka.

Tahun	Peristiwa
1 Februari 1948	Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan

Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap perjuangan orang Melayu?

A Berkuasa mengawal pentadbiran
B Parti-parti politik digabungkan
C Syarat kerakyatan dipermudah
D Diiktiraf sebagai penduduk asal

13 Bagaimanakah ideologi komunis disebarkan di Tanah Melayu?

I Menyusup masuk dalam pertubuhan
II Melalui hubungan antara kerajaan
III Interaksi antara kumpulan pedagang
IV Pembukaan cawangan Parti Kuomintang

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

14 Berikut adalah tindakan yang dilakukan oleh pengganas komunis di Tanah Melayu.

- Merosakkan ladang getah
- Mengganggu kerja di lombong
- Merosakkan landasan kereta api

Mengapakah tindakan tersebut dilakukan?

A Memiliknegarakan sektor perusahaan
B Menyusun semula sistem pemilikan
C Menentang amalan buruh paksa
D Melumpuhkan ekonomi British

15 Maklumat berikut berkaitan dengan pertubuhan politik di Tanah Melayu.

Tahun	Pertubuhan
1938	Kesatuan Melayu Muda
1945	Parti Kebangsaan Melayu Malaya

Apakah persamaan matlamat perjuangan pertubuhan tersebut?

A Konsep "Merdeka dengan Darah"
B Merdeka melalui konsep Melayu Raya
C Penubuhan sebuah parti politik pelbagai kaum
D Mengutamakan slogan Malaya Untuk Melayu

 © 2021 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

LIVEWORKSHEETS

16 Penduduk tempatan Tanah Melayu dilantik sebagai Ahli dalam Sistem Ahli pada tahun 1951. Mengapakah pelantikan tersebut penting terhadap Tanah Melayu?

A Pengekalan sistem pentadbiran tradisional
B Persediaan ke arah berkerajaan sendiri
C Pengukuhan kuasa politik bumiputera
D Penjimatan perbelanjaan kerajaan

17 Maklumat berikut berkaitan dengan sumbangan Dato' Onn bin Jaafar.

Tahun	Sumbangan
1946	Menubuhkan *United Malay National Organization* (UMNO)
1951	Menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (*IMP*)

Mengapakah Dato' Onn menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya sedangkan sebelum itu beliau telah menubuhkan UMNO?

A Mengutamakan perpaduan antara kaum
B Menerima desakan daripada penjajah British
C Memastikan kemenangan dalam pilihan raya
D Memantapkan pengurusan dalam Sistem Ahli

18 Rajah berikut berkaitan dengan perkembangan pilihan raya yang diadakan di negara kita sebelum merdeka.



Apakah **X**?

A Pilihan Raya Majlis Perbandaran Melaka
B Pilihan Raya Majlis Perundangan Sabah
C Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuching
D Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan

19 Raja-raja Melayu telah mengemukakan memorandum kepada Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.
Cadangan yang manakah terkandung dalam memorandum tersebut?

A Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara
B Ketua Menteri mengetuai pentadbiran kerajaan
C Undang-undang tempatan dikuatkuasakan
D Syarat kewarganegaraan dikaji semula

[Lihat halaman sebelah

 © 2021 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

LIVEWORKSHEETS

20 Sebagai rakyat dalam sebuah negara yang merdeka, kita mesti
I meninggalkan norma-norma tradisional bangsa
II meningkatkan usaha untuk kepentingan peribadi
III bebas daripada pengaruh asing yang negatif
IV berupaya menyumbang idea untuk bangsa
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

21 Apakah kepentingan konsep daulat dalam sistem politik Melayu tradisional?
I Memperkukuh kedudukan raja-raja
II Memperluas peranan golongan pembesar
III Menyekat peluasan pengaruh kuasa asing
IV Mengikat kesetiaan rakyat terhadap raja
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

22 Apakah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong?
A Mengubah sempadan negeri
B Mengetuai perkhidmatan awam
C Melantik diplomat ke luar negara
D Mengawal perbelanjaan kerajaan

23 Sejak merdeka, Malaysia telah mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen.
Pernyataan yang manakah berkaitan dengan sistem tersebut?
A Majlis Raja-Raja menggubal perlembagaan
B Monarki berkuasa mutlak mengetuai pentadbiran
C Badan Kehakiman merangka undang-undang
D Rakyat terlibat dalam pemerintahan negara

24 Senarai Negeri memperuntukkan kuasa Kerajaan Negeri.
Perkara yang manakah terletak dalam Senarai Negeri?
A Tanah
B Pelajaran
C Kesihatan
D Pertahanan

25 Persetujuan Bangkok dicapai pada tahun 1966 di Bangkok, Thailand.
Mengapakah persetujuan tersebut penting terhadap negara?
A Pemulihan hubungan Malaysia-Indonesia
B Pengukuhan hubungan Malaysia-Filipina
C Penyertaan Brunei dalam Malaysia
D Pembentukan Parti Perikatan Sarawak

 © 2021 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

LIVEWORKSHEETS

SPM 2021

26 Pada tahun 1962, referendum diadakan di Singapura.
Mengapakah referendum tersebut diadakan?
A Menentukan sokongan terhadap pembentukan Malaysia
B Mengukuhkan kesetiaan rakyat terhadap kerajaan
C Mengekalkan sistem pentadbiran British
D Menilai pengaruh parti berhaluan kiri

27 Apakah kesan peristiwa berikut?

Tahun	Peristiwa
1965	Peralihan kuasa kepimpinan di Indonesia

A Perang Dingin merebak
B Pakatan tentera dibentuk
C Dasar konfrontasi berakhir
D Sistem beraja dipulihkan

28 Singapura dan Sarawak menghadapi ancaman komunis pada tahun 1960-an.
Bagaimanakah Tunku Abdul Rahman menyelesaikan ancaman tersebut?
A Membentuk Persekutuan Malaysia
B Menubuhkan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
C Mewujudkan kerjasama ketenteraan bersama Indonesia
D Memperkukuh hubungan diplomatik dengan Filipina

29 Apakah faktor yang menjayakan kemerdekaan negara dan pembentukan Persekutuan Malaysia?
I Desakan kumpulan radikal
II Pemimpin dan rakyat bermuafakat
III Semangat toleransi menjadi amalan
IV Penduduk terdiri daripada pelbagai kaum
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

30 Rajah berikut berkaitan dengan proses pembentukan Persekutuan Malaysia.



X ialah pengumuman penubuhan
A Majlis Perundangan Persekutuan
B Jawatankuasa Antara Kerajaan
C Jawatankuasa Eksekutif
D Suruhanjaya Reid

[Lihat halaman sebelah

 © 2021 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

LIVEWORKSHEETS

31 Penyata Razak 1956 menyatakan dua elemen penting dalam pendidikan untuk membentu perpaduan kaum.
Apakah kedua-dua elemen penting tersebut?
I Kemahiran teknikal
II Kurikulum seragam
III Sistem persekolahan sama
IV Kenaikan darjah secara automatik
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

32 Berdasarkan Kajian Aminuddin Baki, sistem persekolahan aneka jurusan telah diperkenalkan.
Mengapakah sistem persekolahan tersebut diperkenalkan?
A Melahirkan tenaga kerja mahir
B Mengurangkan sekolah vernakular
C Memendekkan tempoh persekolahan
D Menempatkan murid kelainan upaya

33 Gambar berikut adalah logo Sukan Malaysia (SUKMA).



Apakah tujuan sukan tersebut diadakan?
A Memantapkan ekonomi negara
B Memperkukuh perpaduan rakyat
C Memajukan industri pelancongan
D Mengimbangi ekonomi antara kaum

34 Dasar Kebudayaan Kebangsaan digubal oleh kerajaan pada tahun 1971.
Apakah prinsip dasar tersebut?
I Memperkukuh identiti kenegerian
II Mengutamakan elemen dari luar
III Berasaskan kebudayaan rakyat asal
IV Bertunjangkan ajaran Islam
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

 © 2021 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

LIVEWORKSHEETS

35 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 untuk melaksanakan pembukaan tanah baharu.
Apakah kesan pembukaan tanah tersebut?
I Taraf hidup rakyat meningkat
II Sektor perladangan berkembang
III Bilangan usahawan bertambah
IV Harga komoditi meningkat
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

36 Dasar Penswastaan dilancarkan dalam Rancangan Malaysia Keempat.
Apakah matlamat dasar tersebut?
I Mengimbangi pemilikan harta antara kaum
II Meningkatkan kualiti perkhidmatan
III Meningkatkan kemajuan ekonomi
IV Menggiatkan pembukaan tanah
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

37 Mengapakah Tunku Abdul Rahman melaksanakan dasar probarat?
A Konfrontasi Indonesia
B Pergolakan di Vietnam
C Gesaan Piagam Atlantik
D Ancaman Parti Komunis Malaya

38 Berikut adalah negara anggota Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) yang terawal.

- Malaysia
- Indonesia
- Thailand
- Filipina
- Singapura

Apakah sumbangan ASEAN terhadap negara-negara anggota?
I Meningkatkan hubungan sosial
II Menyediakan bantuan ketenteraan
III Menyeragamkan sistem pentadbiran
IV Menumpukan pembangunan ekonomi
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

 © 2021 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

LIVEWORKSHEETS

39 Apakah faktor yang mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia?
A Pendirian pertubuhan serantau
B Kepentingan ekonomi negara
C Kehendak kuasa besar
D Keperluan ketenteraan

40 Afrika Selatan mengamalkan Dasar Aparteid.
Mengapakah Malaysia menentang dasar tersebut?
A Hubungan dagang terhad
B Dasar komunis diamalkan
C Kebebasan beragama disekat
D Diskriminasi kaum dilaksanakan

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

 © 2021 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

LIVEWORKSHEETS